

SOALAN – SOALAN LAZIM BERKENAAN KEMPEN PEMBAYARAN TANPA TUNAI PERINGKAT NASIONAL – CASHLESS BOLEH 2.0

1. Bilakah dan berapa lama kempen ini berlangsung?

Kempen ini berlangsung selama 6 bulan iaitu dari **1 Disember 2021 sehingga 31 Mei 2022**.

2. Apakah tujuan Kempen Cashless Boleh 2.0 ini diadakan?

Kempen Cashless Boleh 2.0 ini adalah merupakan kerjasama antara pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) bagi memupuk penggunaan e-pembayaran ataupun tanpa tunai di Agensi-agensi Kerajaan yang terlibat di seluruh negara. Usaha ini adalah selaras dengan aspirasi Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia atau MyDigital yang menggariskan pelbagai strategi untuk memangkin transformasi Malaysia kepada sebuah ekonomi digital yang berdaya saing termasuklah transformasi kepada “*cashless society*”.

3. Apakah hadiah yang disediakan bagi pemenang Kempen?

Hadiah yang disediakan adalah berbentuk wang tunai sebanyak **RM10,000 bagi 100 orang pemenang**.

4. Bagaimana untuk menyertai Kempen Cashless Boleh 2.0?

Penyertaan adalah berdasarkan *auto-entry*. Lakukan transaksi/pembayaran tanpa tunai atau cek di Agensi Kerajaan untuk peluang memenangi hadiah. Bayar menggunakan kad ATM MyDebit, DuitNow QR di kaunter ataupun melalui perbankan Internet menggunakan JomPay, FPX atau DirectDebit sepanjang tempoh kempen. Tiada sebarang pendaftaran yang perlu dilakukan oleh pengguna untuk menyertai Kempen ini. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran, sekiranya diperlukan oleh pihak Penganjur.

Senarai Agensi-agensi Kerajaan yang terlibat adalah seperti yang berikut:

Bil.	Agensi Kerajaan Yang Menyertai Kempen Cashless Boleh 2.0
1	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
2	Jabatan Imigresen Malaysia
3	Jabatan Pengangkutan Jalan
4	Jabatan Pendaftaran Negara
5	Polis Diraja Malaysia
6	Kementerian Kesihatan Malaysia
7	Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
8	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
9	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
10	Pihak-pihak Berkuasa Tempatan (PBT-PBT) melalui Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT)
11	Jabatan Bomba dan Penyelamat
12	Jabatan Insolvency Malaysia
13	Mahkamah-Mahkamah Persekutuan dan Negeri
14	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
15	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
16	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan
17	Majlis Amanah Rakyat (MARA)
18	Hospital UiTM Puncak Alam
19	Lembaga Peperiksaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
20	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

5. Apakah syarat-syarat untuk menyertai Kempen Cashless Boleh 2.0?

Semua individu atau syarikat yang melakukan transaksi di agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan kempen ini berpeluang untuk memenangi hadiah yang disediakan. Walaubagaimanapun, kempen ini tidak layak disertai oleh individu-individu yang disenaraikan di bawah:

- a) kakitangan/warga kerja PayNet (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya) dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak, ibu-bapa, adik-beradik, termasuk suami /isteri masing-masing), dan/atau
- b) wakil kakitangan/warga kerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan.

6. Bagaimanakah proses atau kriteria yang dilakukan untuk pemilihan pemenang?

Proses pemilihan pemenang adalah dilakukan secara rawak (cabutan) dan tertakluk pada Terma dan Syarat Kempen.

7. Adakah permohonan perlu dibuat untuk menyertai Kempen Cashless Boleh 2.0?

Tidak perlu kerana penyertaan kempen adalah secara *auto-entry*. Setiap transaksi yang dilakukan di agensi-agensi kerajaan yang terlibat menggunakan kad ATM MyDebit, DuitNow QR di kaunter ataupun melalui perbankan Internet menggunakan JomPay, FPX atau DirectDebit akan dikira sebagai satu penyertaan secara automatik.

8. Bilakah tarikh pemenang kempen akan dipilih?

Secara tentatifnya, cabutan akan dilakukan satu bulan selepas tamat tempoh kempen. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

9. Bagaimanakah makluman kepada pemenang Kempen Cashless Boleh 2.0 akan dibuat?

Hebahan bagi nama-nama pemenang akan dibuat melalui laman web Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) setelah tempoh kempen berakhir. Pautan pada laman web adalah seperti berikut: <https://paynet.my/>

Pemenang-pemenang akan dihubungi dan dimaklumkan oleh penganjur melalui e-mel atau panggilan telefon berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak bank. Pemenang harus memaklumkan keputusan mereka sama ada untuk menerima hadiah atau sebaliknya dalam tempoh **tujuh (7)** hari dari tarikh pemberitahuan tersebut. Sekiranya pemenang menolak atau gagal memberi jawapan dalam tempoh yang telah diberikan, Penganjur berhak melucut hak pemenang tersebut dan menarik balik hadiah.

10. Bagaimanakah pemenang akan menerima hadiah?

Hadiah wang tunai akan dikreditkan ke akaun bank para pemenang yang disahkan melalui komunikasi antara pihak penganjur dengan pemenang.

11. Sekiranya saya melakukan transaksi dengan jumlah yang besar, adakah saya mempunyai peluang lebih untuk memenangi hadiah?

Merujuk kepada Terma dan Syarat kempen, setiap satu transaksi yang dilakukan dikira sebagai satu penyertaan sahaja tidak kira nilai transaksi pembayaran tersebut.

Walaupun bagaimanapun, penyertaan melalui satu bayaran yang dibahagikan kepada beberapa transaksi adalah terbatal tetapi pembayaran berkala adalah dibenarkan.

Sebagai contoh: Pembayaran bil bulanan atau berkala dalam satu transaksi atau ansuran layak diterima sebagai satu (1) penyertaan setiap pembayaran. Sekiranya satu (1) pembayaran untuk bil bulanan atau ansuran tertentu berjumlah RM100 tidak boleh dibahagi-bahagi kepada beberapa transaksi kecil. Sebaliknya, sekiranya Peserta membuat satu pembayaran untuk dua (2) transaksi berbeza bagi agensi-agensi kerajaan yang mengambil bahagian dalam Kempen ini layak dikira sebagai dua (2) penyertaan. Begitu juga dengan transaksi menggunakan MyDebit, FPX, JomPAY, DirectDebit atau DuitNow QR yang berbeza.

12. Saya mempunyai soalan yang lanjut mengenai Kempen ini, siapakah yang perlu saya hubungi?

Anda boleh membaca Terma dan Syarat Kempen untuk mendapat maklumat lanjut. Anda juga boleh menghubungi talian pelanggan Penganjur di +603-5626 0052 (Isnin – Ahad, 9 pagi – 5 petang kecuali cuti umum).

Maklumat dikemaskini pada 21 Januari 2022